

**KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;
- NO. SEBUT HARGA** : **JPSWPKL(SH) / PLSK / 08 / 2022**  
**TAJUK PROJEK** : **KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN MEMBUANG KELODAK DI DALAM LOJI RAWATAN AIR DI DUA LOKASI JAJARAN SUNGAI KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI MENINGKATKAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI AIR.**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE	CE 21 PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM DAN CE 32 KERJA PENYENGGARAAN KEJURUTERAAN AWAM

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **02 Mac 2022 (Rabu)** hingga **09 Mac 2022 (Rabu)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **PENAMA** kontraktor hendaklah membawa sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM 30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **02 Mac 2022 (Rabu)** hingga **09 Mac 2022 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Taklimat dan lawatan tapak sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak dibenarkan menyertai sebutharga ini. Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada **02 Mac 2022 (Rabu)** pada jam 10.00 pagi di River Water Treatment Plant (RWTP) Kemensah (Lat : 3.20639 Long : 101.75580). Sehubungan dengan itu, kontraktor diminta sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN sepanjang lawatan.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **09 Mac 2022 (Rabu)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.

.....  
**HAJI ZUL BIN MOHAMMAD**  
Nama : Pengarah Operasi  
Jawatan : Pejabat Lembangan Sungai Klang  
Tarikh : Jabatan Pengairan dan Saliran  
**22 FEB 2022**